

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 21 MEI 2024
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 2

Tiga agensi bermandat bumiputera diselaras

Tiga agensi bermandat bumiputera diselaras

Dari muka 1

Tambah beliau, Ekuinas pula bakal merancakkan penciptaan kekayaan dan usaha penglibatan bumiputera melalui program baharu pemilikan ekuiti korporat, Dana Asas II.

"Agensi tersebut akan melabur RM800 juta bagi menyokong usahawan yang memiliki rekod prestasi laba cemerlang untuk mencapai kejayaan lebih besar di pasaran," ujarnya.

Dalam pada itu, Rafizi berkata, sebelum ini semua bantuan direka untuk diberi percuma tetapi kaedah itu menyebabkan sebahagian besar penerima tidak bertanggungjawab.

"Kita hendak orang yang betul-betul mahu berniaga sebab dia tahu kena jelas balik dan hanya minta dana modal diyakini boleh bayar kembali, kalau tidak hilang bisnes. Ba-

nyak kes selepas dua tahun dapat geran, mereka diam dan hilang begitu sahaja walhal dana itu jika dibayar balik, ia boleh bantu ramai usahawan berpotensi besar," tegas beliau.

Mengulas lanjut, Rafizi berkata, perubahan dari segi pendekatan pembentangan kali ini dilihat mampu memperluaskan capaian skop tiga agensi tersebut kepada ribuan lagi pemohon baharu.

Ditanya apakah tiada lagi skim geran kepada peniaga mikro bumiputera, beliau berkata, inisiatif itu tetap diteruskan pelbagai agensi di bawah beberapa kementerian lain.

Sebaliknya jelas beliau, pihak Teraju, YP dan Ekuinas pula akan memberi tumpuan khas kepada usahawan skala kecil dan sederhana yang mampu mengembangkan perniagaan.

"Mereka inilah perlu dito-

long kerana kerajaan mahu lahir pencipta nilai yang dapat buka banyak cawangan dan akhirnya syarikat itu pula disenaraikan di Bursa Malaysia," katanya.

Langkah itu juga ujarnya, turut mendidik mereka untuk berdaya saing dengan persekitaran global yang lebih mencabar dan mampu melonjak tinggi sehingga ke peringkat sejagat.

"Bahkan tiga agensi di bawah kementerian saya masih tawar banyak program bagi sokong ekosistem usahawan ini termasuk dana lebih RM1 bilion hingga tahun 2030," kata Rafizi.

Pembentangan besar itu jelasnya, membuktikan komitmen serius kerajaan bagi mewujudkan sejumlah 1,000 syarikat bumiputera berskala tinggi dan memanfaatkan 5,000 perusahaan.



RAFIZI Ramli bersama wakil-wakil bank yang turut menjadi rakan strategik pada Majlis Menskalakan Penciptaan Nilai Bumiputera di Cyberjaya, semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA